




جاتان كماجوان اسلام ملايسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA





جاتن مکماجن اسلام ملیسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MOHD KAMEL BIN MAT SALLEH

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

RISALAH KHAS
SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW
1437H / 2015M PERINGKAT KEBANGSAAN

Cetakan Pertama 2015
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Atur huruf & Cetakan oleh:
Visual Print Sdn. Bhd.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai,
Cheras 56000 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

4 PENGENALAN

4 ASAS PERPADUAN DALAM ISLAM

5 PERPADUAN SESAMA MASYARAKAT ISLAM

8 PERPADUAN ISLAM : APLIKASI SURAH AL-HUJURAT

11 PERPADUAN BERSAMA MASYARAKAT BUKAN ISLAM

13 RASULULLAH MODEL DAN TOKOH PERPADUAN

15 FUNGSI KEPIMPINAN DAN KESEDERHANAAN,
FAKTOR MENJANA PERPADUAN

18 AMAL JAMAIE TERAS PERPADUAN

18 PETUNJUK WAHYU SEBAGAI SUMBER PERPADUAN

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

PENGENALAN

Manusia sebagai makhluk yang berakal mempunyai potensi dan kekuatan membangunkan sesebuah tamadun. Ini dapat dilihat melalui penciptaan manusia oleh Allah SWT lengkap dengan pancaindera zahir, akal, ruh dan anggota-anggota badan lain yang saling lengkap melengkapi untuk menunaikan amanah sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi.

Masyarakat yang bertamadun adalah mereka yang berjaya mengurus tadbir dan mengembangkan kehidupannya. Justeru, keutuhan dan keteguhan masyarakat bergantung kepada beberapa elemen lain seperti kemantapan ekonomi, kestabilan politik, kesejahteraan sosial dan yang terpenting, perpaduan di kalangan anggota, saling bantu-membantu dan berhubung rapat antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud: *"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai..."* (Ali'Imran:103).

ASAS PERPADUAN DALAM ISLAM

Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah negara terletak kepada perpaduan di kalangan rakyat, begitu juga sebaliknya perpecahan adalah antara punca kejatuhan dan kemusnahan. Sehubungan dengan itu, asas-asas kepada perpaduan mestilah dijana dan pelbagai gerakan perlu dirintis supaya hasrat untuk membentuk sebuah negara yang cemerlang dapat direalisasikan.

Pepatah Melayu ada menyebut 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Sungguh dalam maksud dan pengertiannya untuk menjelaskan kepada manusia bahawa bersatu padu itu banyak manfaatnya dan perpecahan itu boleh mengundang pelbagai kemudaratan. Umat yang

bersatu adalah umat yang kuat berbanding mereka yang suka bertelagah sesama sendiri. Akibatnya masyarakat yang suka bergaduh amat mudah ditumpaskan oleh pihak musuh.

Ibarat serumpun lidi pasti sukar dipatahkan. Jika hanya dengan jari kelingking sahaja, sebatang atau beberapa batang lidi pasti akan mudah patah dan dihancurkumatkan. Gambaran yang sama diberikan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sebuah Hadith yang bermaksud: “*Sesungguhnya syaitan itu kepada manusia ibarat serigala dengan kambing, ia akan menyerang kambing yang terlepas dan duduk bersendiri. Jauhilah kamu dari berpecah belah, hendaklah kamu bersama-sama dengan jemaah, orang ramai dan masjid.*” (Riwayat Imam Ahmad).

Perpaduan menurut perspektif Islam terjalin melalui dua ikatan iaitu perpaduan sesama anggota masyarakat Islam dan perpaduan antara kaum Muslimin dengan kaum bukan Islam. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang dihuni oleh masyarakat pelbagai ras dan agama yang membawa pelbagai dimensi kepercayaan, adat dan budaya, perpaduan amatlah diutamakan sebagai langkah membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni. Kepentingan ini semakin jelas terserlah apabila sejak akhir-akhir ini banyak isu perkauman yang diperkatakan secara meluas oleh pelbagai lapisan masyarakat.

PERPADUAN SESAMA MASYARAKAT ISLAM

Perpaduan sesama masyarakat Islam dinyatakan secara jelas dalam al-Qur'an ayat 103 Surah Ali'Imran seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Keutuhan perpaduan sesama masyarakat Islam tidak akan tercapai kecuali setelah terlaksananya beberapa prinsip asas seperti tolong menolong antara satu sama lain dalam mengalakkan kepada kebaikan dan mencegah kemungkarhan. Ini ditambah melalui perlaksanaan akhlak mulia seperti sayang menyayangi, bertimbang rasa, bertolak ansur dan sebagainya.

Apabila berlakunya sesuatu perbalahan sesama kaum muslimin, pihak berautoriti mestilah menjadi pendamai terutama sekali kerajaan dan pemimpin Islam untuk mengambil langkah sewajarnya agar babit-babit persengketaan ini dapat dibendung supaya tidak berlanjutan. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud: “*Dan jika dua puak dari orang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya...*” (al-Hujurat:9).

Pihak yang mempunyai kekuatan untuk mendamaikan antara dua pihak yang bertelagah adalah mereka yang mempunyai kuasa iaitu pihak kerajaan dan mereka yang berautoriti yang sama seperti beberapa agensi berkaitan. Dalam menjalin hubungan baik antara masyarakat Islam dengan bukan Islam pula, model negara Islam Madinah pimpinan Rasulullah SAW haruslah dijadikan contoh. Sewaktu awal hijrah, orang-orang Islam adalah minoriti berbanding dengan penganut Kristian dan Yahudi yang mendominasi Madinah ketika itu. Namun melalui penerapan akhlak dan moral yang terpancar dalam bentuk teori beserta praktikal, ditambah dengan keadilan pemerintahan dan pengurusan Islam yang diolah sesuai dengan masyarakat majmuk ketika itu. Akhirnya tertegaklah sebuah negara yang kuat, aman damai, bersatu teguh di bawah kepimpinan Nabi Muhammad SAW.

Pendekatan ini diperkuuhkan melalui tindakan-tindakan seperti pembinaan masjid sebagai pusat ibadah dan institusi sosial. Masjid Nabawi dan Masjid Quba adalah model institusi terawal Islam dalam menjana perpaduan. Ia bukan setakat berfungsi sebagai tempat menunaikan solat, malah lebih luas lagi ia berperanan sebagai lokasi strategik untuk Baginda SAW menyusun dan membentuk masyarakatnya, seperti mengadakan kuliah pengajian, mengajar mereka bagaimana untuk memantapkan akidah, melaksanakan syariah dan menjalinkan hubungan sesama rakyat melalui akhlak yang mulia. Pusat kegiatan ummah ini turut dijadikan tempat mendengar pengaduan rakyat, mahkamah tempat pengadilan dan menjatuhkan hukuman dan pejabat pentadbiran kerajaan Islam.

Menjaga hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia dijana bermula di rumah Allah SWT. Pokok pangkal segala permasalahan diselesaikan di rumah Allah SWT juga. Ini jelas menunjukkan transformasi menyeluruh boleh sahaja diwujudkan melalui peranan masjid sebagai agen perpaduan, bukannya tempat bertelagah, tempat mencari pengaruh dan jawatan, bahkan amat tidak wajar, masjid menjadi medan meluaskan sokongan politik kepartian.

Nabi Muhammad SAW juga telah mengambil langkah mempersaudarkan orang-orang Islam di bawah satu ikatan persaudaraan. Suku Aus dan Khazraj yang sekian lama bersengketa dan berperang antara satu sama lain berjaya didamaikan dan dipersaudarkan. Kelompok ini dikenali sebagai golongan Ansar yang kemudiannya dipersaudarkan pula dengan golongan Muhajirin yang berhijrah bersama-sama Rasulullah SAW dari Makkah. Sebagai contoh, Saidina Abu Bakar as-Sidiq dipersaudarkan dengan Kharija bin Zaid dan Umar al-Khattab dengan Itban bin Malik.

Objektif utama persaudaraan ini ialah untuk mengelakkan perasaan perkauman sempit atau assabiyyah di kalangan orang-orang Arab. Apabila mereka dipersaudarkan, tidaklah lagi wujud pembelaan atas nama bangsa atau qabilah Arab, tetapi lebih utama, ikatan sesama Islam itulah yang diutamakan. Hasilnya, persengketaan, perbalahan dan peperangan antara kaum Muslimin dapat dielakkan dan perpaduan bangsa Arab dapat dijalin dan dikukuhkan. Kesan perpaduan inilah, semua penduduk Madinah bersatu padu membangunkan negara yang dibina melalui tapak kukuh persaudaraan.

Perkara ini benar-benar dihayati oleh generasi sahabat hasil didikan wahyu Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud: “*Wahai umat manusia! sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih*

keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu) .” (al-Hujurat:13).

PERPADUAN ISLAM : APLIKASI SURAH AL-HUJURAT

Petikan dari surah al-Hujurat ini membawa hasrat yang sangat besar kepada penyatuan umat sejagat. Jika dilihat pada ayat-ayat yang lain dalam surah ini, sarat dengan mesej bagaimanakah kaedah yang perlu dirintis dalam mewujudkan perpaduan dalam masyarakat, antaranya ialah :

1. Bercakap dan berkata-kata dengan nada yang lembut dengan tidak meninggikan suara.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Wahai orang-orang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain (larangan yang demikian). Supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyadarinya.*” (al-Hujurat: 2).

Ayat ini mengajar nilai komunikasi yang tinggi dan berakhhlak baik kepada orang lain dengan menggunakan perkataan dan panggilan yang baik. Ini memberi gambaran bahawa perbuatan menengking, meninggikan suara, menjerit-jerit dan seumpamanya adalah satu perbuatan yang dilarang. Bayangkan sekiranya semua masyarakat pelbagai lapisan melaksanakan dalam komunikasi harian mereka berlandaskan adab ini pasti suasana yang baik akan wujud dalam masyarakat. Ini termasuklah suami ketika berbicara dengan isteri, majikan kepada para pekerja, ibu bapa kepada anak-anak, sesama rakan pejabat, guru-guru terhadap anak-anak murid, sesama jiran tetangga dan sebagainya yang jika dilaksanakan secara lemah lembut dan tidak kasar pasti akan mewujudkan suasana yang lebih baik dan harmoni.

2. Hindari khabar angin dengan menyiasat terlebih dahulu perkhabaran yang diterima.

Firman Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkataan yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*” (al-Hujurat:6).

Ayat ini pula menjelaskan adab yang mesti dijaga bagi mengelakkan pertelingkahan berhubung isu khabar angin atau fitnah. Jika zaman dahulu, fitnah boleh sahaja tersebar dari mulut ke mulut atau melalui surat layang, tetapi di zaman moden era sains dan teknologi, penyebaran khabar angin lebih cepat bergerak melalui pelbagai medium terutama melalui laman sosial sehingga menjadi viral dan mengaibkan mereka yang terlibat. Akibat kedengkian dan kedangkalan ilmu, whatsapp, wechat, telegram, twitter dan facebook digunakan seluas-luasnya dalam membuka aib orang lain, menyebar fitnah dan khabar angin sehingga menimbulkan ketegangan bukan hanya di antara individu, malah boleh menjatuhkan maruah dan kedaulatan sesebuah negara. Gejala ini mesti dielakkan dan ditangani dengan cara terbaik bagi memastikan tiada sesiapa yang teraniaya dan dizalimi. Bagi yang menerima suatu perkhabaran, hendaklah disiasat dan dipastikan kebenarannya terlebih dahulu dan tidak mudah mengambil sikap menghebahkannya dalam media sosial sedangkan berita itu statusnya masih belum sahih. Amat besar kesan negatif yang bakal timbul sekiranya khabar yang disebarluaskan itu tidak benar dan fitnah semata-mata.

3. Larangan mencerca, membuka aib dan menggelar dengan gelaran yang buruk.

Firman Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah*

pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemoh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaipan setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk... ” (al-Hujurat:11).

Memanggil seseorang dengan panggilan yang tidak baik atau menggelarnya dengan gelaran yang buruk juga antara fenomena yang berlaku sejak dahulu sehingga sekarang. Contohnya drama-drama Melayu turut mempromosi panggilan yang tidak baik seperti Mamat Setan, Dolah Hangit, sehingga mengaibkan individu dalam masyarakat dan menganggapnya sebagai gurauan semata, sedangkan perkara ini dilarang oleh Islam melalui ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi SAW. Begitu juga fenomena membuka aib orang lain sudah dianggap sebagai perkara biasa, sedangkan perbuatan itu amat tidak bermoral dan bertentangan dengan nilai Islam. Sepatutnya aib seseorang itu lebih utama ditutup dan tidak didedahkan, dan jika hendak memperbaikinya, pelbagai cara boleh digunakan seperti memberi nasihat secara berhadapan dan pertemuan bersemuka menegur kesalahannya. Kaedah ini lebih baik dari mendedahkan keaiban melalui media massa, media cetak dan laman-laman sosial. Dosa mencerca, membuka aib dan menggelar dengan gelaran yang buruk ini adalah sangat berat dan boleh membawa kesengsaraan hidup di akhirat jika tidak bertaubat dan meminta maaf kepada orang yang dianinya itu.

4. Melebarkan persahabatan dan semangat berkenal-kenalan di antara satu sama lain.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan*

yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).” (al-Hujurat:13).

Untuk melebarkan semangat *ukhuwwah Islamiyyah* yang menjadi teras kepada terjalinnya hubungan kasih sayang sesama mukmin, Islam menggalakkan kepada umatnya bertaaruf dan berkenalkenalan di antara satu sama lain. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, persahabatan sepatutnya tidak mutlak dan terikat kepada satu bangsa sahaja, malah Islam sebagai agama yang menjamin kerahmatan seluruh alam turut menggalakkan agar terjalinnya persahabatan bersama kaum dan bangsa yang lain seperti yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat semasa di Madinah. Toleransi beragama dan semangat timbang rasa bersama etnik yang berbeza menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang penduduknya walaupun berbeza bangsa dan budaya, tetapi boleh bersama-sama menjalankan aktiviti keagamaan masing-masing dalam suasana yang aman dan harmoni.

PERPADUAN BERSAMA MASYARAKAT BUKAN ISLAM

Transformasi yang diilhamkan oleh Rasulullah SAW sebagai pemimpin tertinggi negara Islam Madinah bukan sekadar mencakupi hubungan sesama masyarakat Islam, malah melibatkan komposisi kaum yang berbeza iaitu kepada masyarakat bukan Islam juga.

Satu perlembagaan yang dikenali sebagai *Sahifah Madinah* telah digubal yang membabitkan semua masyarakat Madinah sama ada orang Islam mahupun golongan bukan Islam terutama orang-orang Yahudi. Perlembagaan Islam terawal di dunia ini mengandungi 47 fasal iaitu 23 fasal menyentuh hubungan sesama orang Islam Muhajirin Ansar dan 24 fasal berkaitan dengan orang Islam dan bukan Islam.

Melalui piagam inilah ditekankan bahawa orang Yahudi dan orang Islam dianggap sebagai satu ummah, mereka juga adalah warganegara seperti orang Islam, setiap warganegara bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, kebebasan bergerak, melaksanakan kegiatan, mengumpulkan harta di Madinah. Setiap rakyat dikehendaki menolong orang lain yang berada dalam kesusahan tanpa mengira latar belakang suku, kepentingan hubungan kejiranian, larangan menganggu kebebasan agama penganut lain, tanggungjawab kerajaan melindungi golongan bukan Islam dan sama-sama mempertahankan kedamaian dalam negara.

Kontrak sosial ini mampu ditaati dan dipatuhi oleh semua ahli masyarakat tanpa membezakan suku, kaum, bangsa dan agama. Semua berganding bahu mentaatinya sebagai langkah membentuk kesatuan ummah dan perpaduan kaum di Madinah.

Jelas bahawa perpaduan dalam Islam bukan sekadar hubungan baik sesama orang Islam malah kepada kaum bukan Islam juga. Sejarah mencatatkan masyarakat Yahudi dan Kristian hidup tenang dan aman di Madinah kerana hak mereka tidak dicerobohi. Kesan keadilan Islam inilah, kelompok Islam yang awalnya minoriti menjadi majoriti apabila ramainya orang bukan Islam memeluk Islam kerana tertarik hati dengan kebaikan yang ditonjolkan oleh Islam yang terserlah melalui perlakuan penganutnya.

Bagi masyarakat bukan Islam, mereka juga ada tanggungjawab yang mesti dilaksanakan terhadap kaum muslimin dan pemerintah Islam yang melindungi mereka. Sebagai *ahli zimmah* (golongan bukan Islam) dalam sebuah pemerintahan Islam, pemimpin kerajaan tersebut mestilah memberikan keadilan dan hak sama rata selama mana mereka patuh kepada negara dan akan dikenakan hukuman selaras dengan kesalahan yang dilakukan tanpa pengecualian.

RASULULLAH MODEL DAN TOKOH PERPADUAN

Kecemerlangan kepimpinan Rasulullah SAW dan generasi *Khulafa' al-Rasyidin* sebagai tokoh *mithali* dalam memupuk perpaduan di kalangan masyarakat adalah amat bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW contoh ikutan yang baik.*” (al-Ahzab:21).

Justeru, untuk memupuk perpaduan dalam zaman yang serba moden dan canggih ini, bukalah lipatan sejarah untuk melihat bagaimanakah perlaksanaan generasi terdahulu dalam menjalinkan hubungan kaum. Ini adalah kerana generasi yang dibentuk oleh Rasulullah SAW adalah pembina tamadun yang unggul. Generasi itu adalah generasi *mithali* atau contoh piawai bagi generasi yang berikutnya. Transformasi awal telah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW, maka kitalah yang bertanggungjawab meneruskannya, agar matlamat mewujudkan negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT itu dapat direalisasikan.

Perbezaan pandangan perlu ditangani dengan cara yang penuh berhikmah, ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak. Sering didakwa, perbezaan pandangan membawa perpecahan. Pandangan ini perlu diperhalusi dengan mengambil ibrah dan pengalaman Rasulullah SAW dalam menangani pendapat yang berbeza di kalangan para sahabat.

Menurut al-Qaradawi dalam bukunya *Fiqh Daulah dalam Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah* pelbagai pandangan tidak selamanya dibenci asalkan ia dalam ruang lingkup ijtihad. Para sahabat sendiri sering tidak sependapat, sebagai contoh perselisihan dalam masalah solat Asar di Perkampungan Bani Quraizah, Baginda SAW tidak menyalahkan atau mencela para sahabat yang berselisih faham dalam masalah tersebut. Asal jangan berbeza pandangan dalam perkara dasar, itulah yang patut diberi perhatian.

Ada pun keadaannya, berbaik sangka, berlapang dada dan mengambil sikap syura adalah satu pendekatan yang sangat terpuji. Jauhkan dari melemparkan kata-kata kesat, mengkafirkan pihak lain, menuduh dengan perkataan dosa dan balasan neraka adalah kata-kata yang perlu dijauhi. Setiap individu mesti mengambil sikap saling memberi nasihat kepada kebenaran dan kesabaran, mengambil pendekatan penuh hikmah, menunjukkan suri teladan yang baik dan jika ingin berdebat pun, berbahaslah dengan cara yang baik.

Sikap inilah yang ditonjolkan oleh pemerintah agung bermula zaman Rasulullah SAW dan *Khulafa' al-Rasyidin* dan seterusnya sama ada sewaktu pemerintahan kerajaan Bani Umaiyyah, Abasiyyah mahupun Othmaniyyah. Sekadar mengambil satu contoh, betapa pemerintahan Sultan Salahuddin al-Ayubi di Baitulmaqdis amat disenangi oleh kawan dan lawan walaupun musuh yang sebelumnya berusaha bersungguh-sungguh untuk membunuhnya. Tiada masyarakat bukan Islam yang disiksa walaupun sebelumnya sewaktu tentera salib menduduki Baitulmaqdis mayat tentera Islam memenuhi jalan, orang Islam yang tidak bersenjata dibakar, dipanah dari jarak dekat dari atas bumbung dan menara rumah ibadat mereka. Tiada istilah dendam pada diri Salahuddin walaupun masyarakat Islam sebelumnya disakiti. Layanan terhadap masyarakat Islam lebih-lebih lagi dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Dalam hidup bermasyarakat juga, Nabi SAW mengajar beberapa amalan lain yang amat perlu dicontohi. Ini bersandarkan kepada sebuah Hadith yang bermaksud: “*Hak seorang Muslim terhadap Muslim lainnya ada 6 perkara para sahabat bertanya, apakah dia wahai Rasulullah SAW. Baginda bersabda apabila bertemu, berilah salam kepadanya, apabila dipanggil terimalah jemputannya, apabila diminta beri nasihat, nasihatkanlah, apabila ia bersin dan mengucapkan alhamdulillah, maka jawablah yarhamkallah, apabila ia sakit maka ziarahilah dan apabila ia meninggal dunia, hantarlah jenazahnya sampai ke kubur.*” (Riwayat Muslim).

Dalam konteks yang lebih kecil, kedudukan masyarakat yang dibina melalui ikatan kejiran dan hak bertamu juga ada beberapa etika yang perlu dipatuhi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berbicara dengan baik atau lebih baik ia diam (dalam hal yang tidak berkaitan), sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menghormati jiran tetangganya, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia menghormati tetamunya.*” (Riwayat Muslim).

Apabila sifat-sifat ini dimiliki oleh setiap individu Muslim, sudah pasti kehidupan manusia akan lebih aman dan jauh dari sebarang perpecahan dan perbalahan. Sesungguhnya masyarakat yang benar-benar menjunjung segala peraturan dan hukum hakim Allah SWT adalah atas dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun. Tiada apa yang boleh dibanggakan bagi sebuah masyarakat yang maju dan menjunjung tinggi peradaban sains dan teknologi jika rohaniah anggotanya kosong tanpa penekanan akhlak dan pengisian keagamaan.

FUNGSI KEPIMPINAN DAN KESEDERHANAAN, FAKTOR MENJANA PERPADUAN

Perpaduan lahir dari sifat adil dalam pemerintahan dan bersederhana dalam amalan beragama. Dalam masa yang sama, ia menolak sebarang unsur kezaliman dan melampau atau berlebih-lebihan. Konsep ini apabila dipegang dan diamalkan, mampu untuk membentuk ummah yang progresif, bersatu padu dan menjunjung nilai persefahaman antara satu sama lain.

Perpaduan itu dijunjung dalam kerangka menjadikan keadilan itu sebagai neraca pertimbangan kerana adil itu sendiri memberi maksud meletakkan sesuatu itu kena dan wajar pada tempatnya. Firman Allah SWT yang bermaksud : “*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan janganlah sekali-kali*

kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (al-Maidah:8).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*” (an-Nahl:90).

Pemahaman terhadap *Maqasid al-Syariah* atau objektif di sebalik pensyariatan sesuatu hukum juga mesti diketahui untuk mengelakkan daripada suasana kacau bilau dan perbalahan dalam masyarakat. Kegagalan umat Islam memahami objektif syarak itulah antara punca salah konsep dalam beramal dan mendatangkan kecelaruan kepada ummah.

Dalam soal ibadah ritual, pembahagian hukum telah diperjelaskan melalui konsep aksiologi Islam. Melalui konsep ini para ulama telah membahagikan sistem nilai kepada lima iaitu wajib, sunat, makruh, haram dan harus. Di sini penting pula pemahaman kepada konsep *Fiqh al-Awlawiyat* (fiqh keutamaan) iaitu mengutamakan yang lebih penting daripada yang kurang atau tidak penting. Hal ini nanti berkaitan pula dengan lima keutamaan hidup iaitu dari sudut menjaga agama, harta, nyawa, keturunan dan akal.

Untuk menuju kepada kesederhanaan beramal juga, amat perlu diberi penekanan kepada kefahaman yang jitu di antara tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah. Seringkali berlaku pertelaghan dalam komuniti disebabkan kecelaruan pemahaman tentang dua tuntutan ini. Begitu juga pengetahuan antara yang wajib dan sunat. Kesemua konsep ini perlu difahami dan diketahui sebagai langkah awal menyusun keutamaan dalam beribadah secara konsisten dan mengelakkan melampau batas dalam beramal.

Keceluaran dalam memahami realiti inilah yang menyebabkan ramai manusia Muslim tidak jelas untuk apa dia beribadah. Dibimbangi juga sangkaan telah sempurna amal tetapi sebenarnya banyak ruang kosong yang terdedah sini sana. Ada juga yang tersalah faham kononnya yang penting dalam beribadah adalah jumlah yang banyak dan bukannya kualiti ibadah itu sendiri. Lantaran itu sering berlaku pertelingkahan dan perbalahan dalam soal *khilafiah* hanya dalam menentukan jumlah rakaat solat sunat.

Terkadang manusia juga terkeliru di antara ibadah dan syiar. Puasa Ramadhan itu nilai ibadah tetapi di akhir Ramadhan ia ditewaskan dengan syiar Syawal yang melampau-lampau sehingga kesederhanaan dalam melaksanakan ibadah puasa ditenggelamkan oleh suasana kemeriahan hari raya yang dijelmakan dalam bentuk pesta dan hiburan yang berlebih-lebihan.

Membahaskan perkara cabang sehingga melahirkan perbalahan yang berpanjangan boleh menghakis nilai perpaduan dalam masyarakat. Salah konsep dalam beribadah juga melahirkan masyarakat yang mundur dan terkebelakang, sedangkan Islam menuntut umatnya mencari kecemerlangan untuk hidup di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya ajaran Islam itu adalah untuk menjamin kerahmatan sekalian alam. Hukum hakam dan syariatnya bertujuan menyatukan hati manusia dan menghimpunkannya dalam satu barisan, mencegah dari berlakunya perpecahan dan persengketaan. Matlamat akhirnya nanti, terbentuklah masyarakat yang ketundukkannya hanya kepada Allah SWT, cita-citanya meninggikan kalimah-Nya juga, yang hak ditegakkan, kebaikan dilaksanakan dan kemungkaran dijauhkan.

AMAL JAMAIE TERAS PERPADUAN

Namun perlu diberi penekanan, setinggi manapun cita-cita dan semurni manapun tujuan, tidak dapat tidak, usaha mempertahankan perpaduan ini adalah kerja jamaie atau berkumpulan dan bersama, bukannya mudah untuk dapat dicapai secara bersendirian. Semua agensi dalam kerajaan, para wakil rakyat, pemimpin masyarakat dan setiap individu Muslim perlu sama berganding bahu menjadi contoh kepada kesungguhan membentuk perpaduan ini.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud: "*Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*" (al-A'raf:96).

Seruan ke arah perpaduan dan kesatuan mesti disahut oleh semua masyarakat tidak mengira bangsa, semangat kenegerian atau kecenderungan fahaman politik. Orang Islam sebagai umat terbaik mesti menunjukkan kebaikan itu di mata masyarakat dunia. Dengan perpaduan, umat akan menjadi semakin kuat.

PETUNJUK WAHYU SEBAGAI SUMBER PERPADUAN

Mengakhiri penulisan ini, marilah sama-sama kita menghayati beberapa ayat al-Qur'an untuk dijadikan pedoman bahawa perpaduan itu adalah nadi kekuatan, manakala perpecahan itu boleh mengundang penyesalan yang tidak berkesudahan. Amat penting untuk kita sama-sama bermuhasabah agar perpecahan di kebanyakan negara umat Islam dapat dihindari dan tidak berlaku di negara kita.

Firman Allah SWT yang bermaksud : “*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.*” (Ali‘Imran:103).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam ugama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah). Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar.*” (Ali‘Imran:105).

◆ ◆ ◆ PENUTUP ◆ ◆ ◆

Adalah menjadi tanggungjawab semua individu dalam sesebuah negara mempertahankan perpaduan dan menolak sebarang unsur yang boleh membawa kepada kehancuran. Jangan dibiarkan unsur perpecahan meresap masuk dalam masyarakat kerana, sekali kesatuan itu diceroboh, penyesalan tidak membawa apa-apa makna. Jauhilah sikap mengadu domba, khianat mengkhianati dan mencari silap orang lain, tetapi carilah titik persamaan agar Malaysia menjadi sebuah negara Islam contoh yang menjunjung erti kesatuan dan perpaduan di kalangan rakyatnya.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim Abdullah Basmeih. 2013. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Abazhah, Nizar. 2011. *Sekolah Cinta Rasulullah*. Terj. Taufiq Damas & M. Abidun. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selekta Sdn. Bhd.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1983. *Fiqh al-Sirah* Terj. Mohd. Darus Sanawi. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1986. *Fiqh al-Sirah*. Terj. Abu Laila & Muhammad Tohir. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Al-Hashimi, Abd al-Mun'im. 2002. *Ahklaq al-Nabi Sallallah 'Alaih Wa Sallam fi Sahih al-Bukhari wa Muslim*. Kuwayt: Maktabah Ibn Kathir
- Al-Khudari, Muhammad. 1992. *Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-Mursalin*. Qahirah: Dar al-Hadith
- Al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman. 2011. *Al-Rahiq al-Makhtum Sirah Nabawiyah*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *Fiqh Daulah Dalam Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah*. Terj. Kathur Suhardi. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Ensiklopedia Hadith Kitab 9 Imam. 2010. Lidwa Pustaka.
- Mohd Kamel Mat Salleh. 2013. *25 Perkara Yang Anda Mesti Tahu Mengenai Islam*. Batu Caves: Mustread Sdn. Bhd.
- Mohd Kamel Mat Salleh & Mohd. Hariri Hj. Mohamad Daud. 2014. *7 Golongan Dinaungi Arasy*. Batu Caves: Mustread Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohd. Yusoff & Noor Naemah Abd. Rahman. 2010. *Biografi Muhammad bin Abdullah*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aras 4-9, Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya,
Tel: 03-8886 4000
Faks: 03-8889 2039

www.Islam.gov.my

Edaran Percuma